

**Felda Akan Tandatangani Perjanjian Dengan Lulu Hypermarket Dari Timur Tengah Bulan Ini**  
**Bernama**  
**6 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Felda akan menandatangani perjanjian dengan syarikat di Timur Tengah, Lulu Hypermarket, bulan ini untuk menjalin kerjasama perniagaan, selain memasarkan produk Felda di dalam dan di luar negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata Lulu Hypermarket yang menjual produk halal di 150 cawangan pasar raya besarnya di Timur Tengah, seperti Abu Dhabi, Dubai, Kuwait dan Arab Saudi, sangat sesuai untuk dijadikan rakan kongsi.

"Perjanjian ini bakal ditandatangani dalam lawatan saya ke Abu Dhabi bulan ini," kata Perdana Menteri dalam ucapan pada Majlis Semai Bakti 2013 di Menara Felda di sini Khamis.

"Lulu Hypermarket juga akan membuka 10 pasar raya di Malaysia. Bangunan pasar raya akan dibina oleh Felda dan disewakan," kata Najib.

Beliau berkata syarikat tersebut juga akan memasarkan semua produk yang dikeluarkan oleh peneroka Felda yang ada pasaran di Timur Tengah dan di seluruh dunia.

Penghantaran produk tersebut termasuk keledak, karipap sejuk beku dan sayuran organik, akan dihantar sedikit masa lagi pada harga yang lebih tinggi daripada yang boleh dijual dalam negara.

Najib berkata syarikat Lulu Hypermarket juga sanggup memberikan peluang pekerjaan kepada 2,000 rakyat Malaysia di dalam dan di luar negara.

Sementara itu, beliau berkata projek pembiakan ikan 'sturgeon' bagi penghasilan telur ikan atau 'kaviar' di Ulu Tembeling, Jerantut, Pahang, untuk pasaran eksport, akan bermula pada Mei.

Sementara itu, Perdana Menteri juga menyatakan dividen yang akan diagihkan kepada peneroka Felda pada Jun ini dijangka lebih tinggi berbanding tahun lepas.

Untuk rekod, peneroka Felda memperoleh dividen daripada Koperasi Permodalan Felda Malaysia Bhd antara yang tertinggi di negara ini, serta dividen daripada 20 peratus saham yang disimpan Felda Global Ventures Holdings (FGVH) Bhd untuk peneroka dan 800 unit saham yang dimiliki setiap peneroka sejak penyenaian (FGVH), jika ia masih belum dijual.

Menyentuh berkenaan perniagaan FGVH, Najib berkata FGVH mempunyai pelan yang besar dan perancangan untuk memiliki aset seperti medan minyak lama yang sudah mengeluarkan hasil supaya pendapatannya dapat ditingkatkan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019873>